

LEMBARAN PENZAHIRAN PRODUK

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat produk pinjaman ini sebelum anda memutuskan untuk memohon pinjaman ini. Anda juga dinasihatkan untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pinjaman ini. Sila dapatkan penerangan daripada Koperasi Tentera (“KT”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma umum dalam dokumen ini.

1. Apakah produk EzyCash-i ini?

EzyCash-i ialah pinjaman peribadi jangka pendek tanpa faedah/caj keuntungan berkonsep pendahuluan tunai dan ianya bercagar yuran anggota. Pinjaman ditawarkan kepada anggota yang masih berkhidmat sahaja yang mempunyai baki yuran seperti ditetapkan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

EzyCash-i berlandaskan konsep Syariah Qard iaitu pinjaman tanpa faedah yang melibatkan dua pihak yang bertujuan sebagai kebajikan sosial anggota selain memenuhi keperluan jangka pendek.

3. Apakah yang akan saya dapat melalui tawaran daripada produk ini?

Jumlah Pinjaman	Minimum: RM100.00 Maksimum: RM1,000.00 atau tidak melebihi 90% daripada jumlah yuran tidak bercagar dengan baki minimum seperti ditetapkan; mana-mana yang lebih rendah.
Faedah/Caj Keuntungan	0%
Tempoh Pinjaman	Maksimum sehingga 31 hari berdasarkan tarikh penerimaan gaji yang berikutnya.
Cara Pembayaran Pinjaman	Pembayaran balik pinjaman adalah secara sekaligus pada tarikh yang telah ditetapkan melalui kaedah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran tunai di kaunter; • KT Online ; atau • Pindahan melalui <i>Interbank Giro</i> (IBG)
Lain-lain syarat kelayakan	Anda berpeluang memohon pinjaman EzyCash-i dengan syarat: <ul style="list-style-type: none"> • Hanya satu (1) permohonan dan akaun pinjaman EzyCash-i dibenarkan pada satu-satu masa. • Tidak berlaku keingkaran tunggakan bayaran pinjaman EzyCash-i melebihi tiga (3) kali dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pertama pinjaman dalam tempoh ini diluluskan. • Minimum baki yuran tidak bercagar selepas menolak cagaran yuran bagi pinjaman EzyCash-i mestilah RM 2,000 dan keatas.

4. Apakah tanggungjawab saya?

Anda dikehendaki membuat bayaran seperti yang dipersetujui pada tempoh matang seperti yang ditetapkan.

Contoh adalah seperti berikut:-

Amaun Pinjaman :RM 800.00

Amaun Bayaran Balik Pinjaman: RM 800.00

Nota:

- i. Sekiranya pengeluaran pinjaman sebelum atau pada 25 haribulan, anda perlu memastikan bayaran balik pinjaman dibuat pada hari penerimaan gaji dalam bulan tersebut.

- ii. Namun jika pengeluaran pinjaman pada 26 haribulan dan berikutnya, anda perlulah memastikan bayaran balik pinjaman dibuat pada hari penerimaan gaji bulan berikutnya.
- iii. Sekiranya berlaku keingkaran, tunggakan pinjaman akan dilangsaikan dengan yuran yang dicagar.
- iv. Sekiranya anda menarik diri daripada menjadi anggota KT atau keanggotaan anda terhenti seperti yang ditetapkan di dalam Undang-undang Kecil KT, anda bertanggungjawab melangsaikan baki pinjaman EzyCash-i atau sekiranya gagal, baki pinjaman akan dilangsaikan sepenuhnya daripada yuran yang dicagar.

5. Apakah fi dan caj yang perlu dibayar?

Jenis Fi dan Caj	Keterangan Fi dan Caj
Caj Pinjaman	Tiada.
Caj Perkhidmatan Pinjaman	RM 10.00 bagi setiap permohonan yang diluluskan.
Duti Setem	Tiada.

Nota: Kesemua fi dan caj berkaitan akan ditolak sebelum pengeluaran jumlah pinjaman yang diluluskan.

6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab yang diperuntukkan?

Sekiranya pembayaran tidak diterima sepenuhnya pada tarikh yang telah ditetapkan, **tunggakan pinjaman akan dilangsaikan dengan yuran yang dicagar.**

7. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan hutang pinjaman sebelum tempoh matang?

Anda boleh menyelesaikan hutang pinjaman sebelum tempoh matang tanpa sebarang caj tambahan.

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Ya, anda perlu mencagarkan yuran keanggotaan untuk pinjaman ini. Jumlah cagaran adalah bersamaan dengan jumlah pinjaman yang diluluskan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada pihak Koperasi Tentera jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat dan maklumat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh mengemaskini butiran peribadi anda di Kaunter Cawangan Koperasi Tentera berhampiran.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- i. Jika anda mempunyai sebarang masalah untuk menjelaskan pembayaran anda, hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di talian KT Customer Care 03-2303 0000
- ii. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Suruhanjaya Koperasi Malaysia di:-

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
 Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
 Changkat Semantan, Off Jalan Semantan

Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
No Tel: 03-2083 4000 / Faks: 03-2083 4100

11. Lain-lain pakej pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh KT:

- i. Pembiayaan Ekspres (QM, NX & ES)
- ii. Pembiayaan Peribadi Bercagar Yuran Anggota (KR)
- iii. Pembiayaan Peribadi Berpenjamin (KT)
- iv. Pembiayaan Peribadi Tanpa Penjamin (KA)
- v. Pembiayaan Bagi Takaful dan Cukai Jalan Kenderaan (IR)
- vi. Kempen Pembiayaan Peribadi Bai'nah (KRC)
- vii. Pembiayaan Peribadi peSARA-i

Nota Penting:

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat ini adalah sah pada [/ /] dan sehingga kemaskini yang seterusnya.

Penafian:

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Maklumat di dalam Lembaran Penzahiran Produk ini adalah tentatif/petunjuk sahaja dan boleh berubah atas budi bicara Koperasi Tentera. Sebarang perubahan maklumat akan dimaklumkan dengan memberi notis pemberitahuan selama dua puluh satu (21) hari kalender kepada anda dengan menggunakan kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh Koperasi Tentera. Terma-terma dan syarat-syarat yang muktamad adalah seperti yang ditetapkan di dalam terma dan syarat di dalam Borang Permohonan Pinjaman Peribadi EzyCash-I, selepas pinjaman diluluskan mengikut proses penilaian dan kelulusan. Penyampaian Lembaran Penzahiran produk ini kepada anda tidak akan mewujudkan sebarang kewajipan oleh Koperasi Tentera untuk memberi apa-apa kemudahan.

Sila hubungi mana-mana Cawangan KT berdekatan atau layari www.katmb.com.my untuk maklumat lanjut.